



TEKS UCAPAN ALUAN

**YBHG DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP**

**SEMPENA
KEMPEN PENURUNAN 1000 HARGA BARANGAN
DAN PELANCARAN JUALAN RAHMAH**

**PADA
11 JANUARI 2023
3.00 PETANG**

**TEMPAT
PASAR RAYA ECONSAVE
PANDAMARAN, KLANG, SELANGOR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

***Assalamualaikum Warahmatullah Hi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera***

Greetings in Mandarin dan Tamil

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Yang Berhormat Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni,
Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal
Negeri Selangor

Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd Yusof,
Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan
Kos Sara Hidup

Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin,
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam
Negeri), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara
Hidup

**Yang Berusaha Encik Lai Sia Ling,
Pengarah Eksekutif, Econsave Cash & Carry Sdn Bhd**

Pegawai-pegawai Kanan KPDN,

Pihak Pengurusan Econsave Cash & Carry Sdn. Bhd.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Pelancaran Kempen Penurunan Harga 1,000 Barang Dan Jualan Rahmah di Pasar Raya Econsave, Pandamaran, Klang ini.**
2. Semalam dalam Amanat saya sempena Tahun Baharu 2023, saya nyatakan bahawa usaha menangani kos sara hidup memerlukan pendekatan “whole nation approach”. Ianya mesti melibatkan Kerajaan, Pengguna dan Pemain Industri dan komuniti perniagaan. Hari ini Pasar Raya Econsave menyambut amanat saya itu dengan pelancaran Kempen

Penurunan Harga 1,000 Barang yang dijual dalam pasarayanya seluruh negara.

3. Semalam juga, saya telah melancarkan Payung Rahmah, salah satu inisiatif baru berupa bantuan untuk mengurangkan kos sara hidup terutama golongan miskin tegar. Di bawah payung itu akan ada Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, Paket Rahmah dan Kafe Rahmah. Hari ini kita akan menyaksikan Jualan Rahmah dan Bakul Rahmah berjalan serentak di Majlis ini.
4. Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Pasar Raya EconSave di atas kerjasama yang berterusan dengan kerajaan dalam menawarkan barang keperluan dengan harga yang berpatutan, dan di masa yang sama menyokong aspirasi kerajaan menangani kos sara hidup rakyat Malaysia.
5. KPDN juga amat berterima kasih atas usaha EconSave dan lain-lain pasaraya-pasaraya utama yang sangat prihatin dan bersedia menggalas tanggungjawab sosial melalui tawaran pelbagai promosi jualan murah dan potongan harga yang secara tidak langsung dapat membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat.

6. Usaha kreatif dan pantas EconSAVE ini dapat merancakkan semula sektor peruncitan dan memperkuatkan perbelanjaan domestik di samping mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara. Ianya juga merupakan satu platform untuk mempromosi barang Malaysia.

**PENDEKATAN SECARA KOLABORASI STRATEGIK
BERSAMA PEMAIN INDUSTRI DALAM MENGURANGKAN
KOS SARA HIDUP**

Para Hadirin yang saya hormati,

7. Tidak dapat dinafikan, inflasi dan kenaikan harga barang yang berlaku di seluruh dunia termasuk negara kita telah meresahkan rakyat terutamanya golongan B40. Impak dari Covid 19 masih terasa terutamanya dari segi ekonomi negara dan kos sara hidup rakyat. Unjuran Bank Dunia, IMF dan ramai pakar ekonomi dunia menjangkakan keadaan ekonomi akan lebih buruk di tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya.
8. Kerajaan sedar akan permasalahan ini dan sedang agresif merancang pelbagai usaha dan solusi jangka pendek dan jangka panjang untuk memulihkan ekonomi dan membantu meringankan bebanan rakyat.

9. Pelbagai pendekatan telah dirancang dan sebahagiannya sudah dalam tindakan. KPDN sentiasa turun padang dan duduk semeja dengan pemain-pemain industri daripada sektor peruncitan serta pengeluar dan pembekal bagi membincangkan dan menentukan solusi bagi isu yang melibatkan bekalan dan harga barang. Berat sama dipikul, Ringan sama dijinjing.

INISIATIF PAYUNG RAHMAH

Hadirin Yang Dihormati Sekelian,

10. Ide Bakul Rahmah tercetus ketika saya bertemu dengan sebuah pasaraya bulan lalu. Ide Kafe Rahmah pula ketika saya bertemu dengan seorang pengusaha restoran. Manakala ide Jualan Rahmah ini adalah hasil pertemuan dan perbincangan dengan pemilik dan pengurusan Pasar Raya Econsave.

11. Ketiga-tiga ide itu saya garap menjadi PAYUNG RAHMAH atau PAYUNG KASIH SAYANG yang kemudiannya diterjemahkan menjadi inisiatif bantuan Kerajaan Perpaduan dalam menangani kos sara hidup rakyat.

12. Jualan Rahmah merupakan program jualan murah sepanjang tahun yang akan dilaksanakan oleh *hypermarket* dan pasaraya di seluruh negara. Melalui inisiatif Jualan Rahmah ini, KPDN bersedia memberi permit notis jualan murah bagi mana-mana pasaraya untuk melaksanakan Jualan Rahmah sehingga maksimum empat (4) bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang.
13. KPDN juga menyasarkan *hypermarket* dan pasaraya yang menyertai Jualan Rahmah ini untuk menawarkan harga barang keperluan di antara 10% - 30% lebih murah dari harga biasa di premis masing-masing di seluruh negara.
14. Saya menyeru dan berharap semua pemain industri khususnya *hypermarket* dan pasaraya supaya dapat bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan untuk menjayakan aspirasi ini. Kita yakin usaha ini dapat membantu golongan sasar yang memerlukan mengurangkan tekanan kos sara hidup, berjimat untuk menabung dan meningkatkan kuasa beli serta keluar dari kemelut inflasi secepat mungkin.
15. Bagi menyatakan sokongan serta menggalakkan penyertaan, KPDN akan menyediakan peruntukan bagi tujuan promosi dan publisiti melalui saluran media Kerajaan bagi membantu

menguar-uarkan Jualan Rahmah yang berlangsung di premis-premis yang terlibat.

16. Sekali lagi, saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada pihak pengurusan Econsave kerana menjadi perintis inisiatif Jualan dan Bakul Rahmah ini.
17. Saya dimaklumkan, Econsave akan menawarkan potongan harga diantara 10%-30% untuk 1,000 SKU sehingga 22 April 2023 di semua cawangan Econsave di seluruh negara.
18. Econsave juga telah bermurah hati untuk menyampaikan sumbangan Bakul Rahmah kepada tiga puluh (30) penerima di sekitar pandamaran dan klang.
19. Saya juga berharap langkah yang dimulakan oleh Econsave ini dapat diikuti oleh semua *hypermarket* dan pasaraya lain sepanjang tahun 2023 ini. Syabas dan Tahniah kepada semua pemain industri peruncitan yang menyokong aspirasi ini!

PENUTUP

20. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Pasar Raya Econsave atas penganjuran majlis yang sangat bermakna kepada saya, Kementerian, dan Pengguna pada petang ini. Semoga Pasar Raya Econsave akan terus maju dan terus bekerjasama dengan KPDN untuk inisiatif-inisiatif yang akan diperkenalkan pada masa akan datang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini merasmikan **KEMPEN PENURUNAN 1000 HARGA BARANGAN DAN PELANCARAN JUALAN RAHMAH**

Sekian, terima kasih.

***Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Disediakan oleh:

*Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
10 Januari 2023*

Diedit oleh

*Pejabat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
11 Januari 2023*